

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)44

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

44. Pesawah menghadapi kenaikan kos bayaran jentera pembajak, jentuai dan upah pekerja. Kenaikan harga lantai belian padi dari RM1300 kepada RM1500 tidak banyak membantu pesawah.
- (a) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk membantu pesawah yang terbeban dengan kenaikan kos ini sama ada bantuan dalam kewangan ataupun insentif yang lain?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

44. (a) Kenaikan kos input pertanian seperti baja, benih dan racun perosak serta kos penggunaan jentera telah memberi tekanan besar kepada pesawah di seluruh negara termasuk pesawah di Negeri Pulau Pinang. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif bagi meringankan beban pesawah melalui pelbagai bentuk bantuan dan insentif.

Peruntukan pembangunan tanaman padi telah disalurkan melalui Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pulau Pinang.

Peruntukan ini merangkumi bantuan dalam bentuk input pertanian, pembangunan infrastruktur serta penyediaan peralatan pertanian yang bersesuaian. Dana ini diagihkan mengikut daerah pengeluaran padi di negeri ini.

Pada tahun 2024, sejumlah RM700,000.00 telah diperuntukkan kepada pesawah di semua daerah. Daripada jumlah ini, sebanyak RM200,000.00 telah diperuntukkan bagi kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan ladang bagi memastikan sistem pengairan berfungsi dengan baik dan efisien serta tahan terhadap risiko banjir.

Pada tahun 2025 pula, Kerajaan Negeri meneruskan komitmennya dengan menyalurkan peruntukan sebanyak RM449,587.00 bagi tujuan yang sama. Walaupun berlaku sedikit pengurangan jumlah berbanding tahun sebelumnya, bantuan ini tetap menunjukkan usaha berterusan Kerajaan Negeri untuk memastikan sektor penanaman padi kekal produktif dan mampu bertahan dalam menghadapi cabaran kos operasi yang semakin meningkat khususnya melibatkan penggunaan jentera pertanian.

Selain bantuan pembangunan, Kerajaan Negeri turut prihatin terhadap nasib pesawah yang terjejas akibat bencana alam seperti banjir. Pada Februari 2025, sebanyak RM239,832.00 peruntukan telah disalurkan kepada 131 orang pesawah yang mengalami kerugian akibat bencana tersebut. Bantuan ini telah disalurkan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri Pulau Pinang sebagai langkah pemulihan bagi memastikan pesawah dapat kembali mengusahakan sawah dengan segera tanpa menanggung beban kewangan yang berlebihan.